

D650

U B317 AAB  
MAHATHIR - SABAH

BAGAN SERAI, 8 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENASIHATKAN PARTI-PARTI POLITIK YANG BERTANDING DALAM PILIHAN RAYA NEGERI SABAH SUPAYA MENGELAK DARIPADA MENIMBULKAN ISU-ISU ANTI PERSEKUTUAN KERANA BELIAU KHUATIR ISU ITU AKAN MELUAP DAN SUKAR DIKAWAL.

PERDANA MENTERI BERKATA SEKALI ISU KEDAERAHAN DIBANGKITKAN IA MUNGKIN MELUAP DAN MEMBAWA KESAN BURUK KEPADA NEGARA.

BELIAU MENYATAKAN RAJA TIDAK SENANG HATINYA DENGAN KEGHAIRAHAN PARTI-PARTI POLITIK DI SANA MEMBANGKITKAN ISU-ISU ANTI PERSEKUTUAN UNTUK MEMANCING UNDI.

+MUNGKIN MEREKA TERPAKSA MENGGUNAKAN ISU-ISU TERSEBUT TETAPI INI ADALAH IBARAT BERMAIN DENGAN API,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA DALAM PERSIDANGAN AKHBAR PADA AKHIR LAWATAN SEHARI BELIAU KE SINI HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA ISU-ISU KEDAERAHAN MEMANG MUDAH DIBANGKITKAN, TERMASUK DI SEMENANJUNG. -- LAGI  
1937MST 08 07 90

MAHATHIR - SABAH 2 BAGAN SERAI

KATANYA, PADA SATU MASA DAHULU SEBUAH NEGERI MEMBUAT ADUAN DI MAHKAMAH UNTUK KELUAR DARI MALAYSIA TETAPI TUNTUTAN MEREKA DITOLAK OLEH MAHKAMAH ITU.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA PERLEMBAGAAN NEGARA TIDAK MEMBERI HAK KEPADA MANA-MANA NEGERI UNTUK KELUAR DARI PERSEKUTUAN.

MENGENAI GESAAN SEBUAH PARTI DALAM MENIFESTO PARTI BERKENAAN SUPAYA KERAJAAN MENGAJAI SEMULA AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI (ISA), BELIAU BERKATA PERKARA ITU JUGA TIDAK HARUS DIJADIKAN ISU PILIHAN RAYA.

KATANYA, PARTI TERSEBUT (PARTI BERSATU SABAH) TIDAK PERNAH MEMBANGKITKAN SUPAYA AKTA ITU DIKAJI SEMULA DALAM MESYUARAT BARISAN NASIONAL, +ITU YANG KITA SEDIH+.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA SEKIRANNYA KERAJAAN MENGAJAI SEMULA AKTA TERSEBUT IA TIDAK BERMAKNA BAHAWA AKTA ITU AKAN DIHAPUSKAN. -- LAGI  
1939MST 08 07 90

D652

U B319 AAB  
MAHATHIR - SABAH 3 BAGAN SERAI

+KAJIAN SEMULA KE ATAS AKTA ITU MUNGKIN MENUNJUKKAN BAHAWA IA PERLU DIKEKALKAN ATAUPUN DIPERKUKUHKAN,+ KATANYA.

MENGENAI KEADAAN KESELAMATAN DI NEGERI SABAH, DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA MENTERI DALAM NEGERI, BERKATA KERAJAAN MAMPU MENGAWAL KEADAAN KESELAMATAN DI SANA.

+JIKA KITA BERPENDAPAT KEADAAN KESELAMATAN DI SANA TERANCAM, KITA AKAN MENGHANTAR PASUKAN KESELAMATAN TAMBAHAN,+ KATA BELIAU.

BELIAU BERKATA BAGI HARI PENGUNDIAN PILIHAN RAYA NEGERI ITU KERAJAAN AKAN MENAMBAH BILANGAN ANGGOTA PASUKAN KESELAMATAN DI SANA.

INI BAGI MEMASTIKAN RAKYAT SABAH BOLEH MENGUNDI DALAM KEADAAN TIDAK DIUGUT ATAU DIANCAM, TAMBAH BELIAU. -- LAGI  
1940MST 08 07 90

D653

U B320 AAB  
MAHATHIR - SABAH 4 BAGAN SERAI

MENYENTUH TENTANG LAWATAN BELIAU KE NEGERI-NEGERI, DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN UMNO, BERKATA BELIAU MEMBERI PENEKANAN KEPADA PENERANGAN MENGENAI TUJUAN SEBENAR PILIHAN RAYA DIADAKAN IAITU UNTUK MENUBUHKAN SEBUAH KERAJAAN YANG KUKUH BAGI MENJAMIN KESTABILAN NEGARA.

KATANYA, OLEH DEMIKIAN ADALAH PENTING SETIAP ANGGOTA UMNO MEMBERI KEUTAMAAN KEPADA KEPENTINGAN PARTI DAN BUKANNYA KEPENTINGAN INDIVIDU.

MENURUT BELIAU, KERANA MEMENTINGKAN INDIVIDULAH MAKA TIMBUL KUMPULAN SERPIHAN DALAM PARTI SEHINGGA ORANG MELAYU SANGGUP MEMUSNAHKAN PARTI.

+INI TELAH JAUH LARI DARIPADA PRINSIP PERJUANGAN UMNO. PENJELASAN INI AMAT PENTING KERANA DALAM MENGHADAPI PILIHAN RAYA AKAN DATANG SUDAH PASTI TIMBUL PERASAAN TIDAK PUAS HATI TENTANG ITU DAN INI DI KALANGAN ANGGOTA,+ KATA BELIAU.

SEBELUM ITU, PERDANA MENTERI MENYERTAI GOTONG-ROYONG MEMBINA SEBUAH RUMAH DI BAWAH PROGRAM PEMBANGUNAN RAKYAT TERMISKIN DI KAMPUNG PARIT HAJI ISMAIL DI SINI.

BELIAU JUGA MENGADAKAN PERJUMPAAN TERTUTUP DENGAN PEMIMPIN-PEMIMPIN UMNO TEMPATAN. -- BERNAMA